

19 JUN 1999

Mahathir-Umno (Saham)

ADA BUKTI ANWAR AMALKAN KRONISME, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak mengamalkan pilih kasih dalam pemberian saham khas dan projek penswastaan tetapi ini diamalkan oleh bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bercakap dalam persidangan akhbar di akhir hari ketiga Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini, Perdana Menteri berkata senarai penerima saham dan projek penswastaan yang dikeluarkan untuk dua tahun berturut-turut di perhimpunan itu membuktikan bahawa saham khas dan projek penswastaan kerajaan diagihkan secara meluas.

"Sebagai prinsipnya, kita tidak mengamalkan kronisme tetapi (bekas) timbalan perdana menteri telah mengamalkan kronisme. Kita boleh buktikan," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno apabila ditanya mengenai senarai penerima saham khas dan projek penswastaan yang dipamerkan di Pusat Dagangan Dunia Putra, tempat berlangsung perhimpunan tahunan itu.

Katanya kerajaan mempunyai senarai yang menunjukkan keluarga Anwar telah dapat menjadi pengarah dan pengerusi syarikat serta memperolehi berjuta-juta saham.

"Kalau ada pilih kasih pun oleh orang tertentu tetapi jangan tuduh orang lain, bila kita agihkan saham pun, bagi (beri) kepada keluarga sendiri," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan anak-anaknya turut mendapat manfaat dari pemberian projek itu tetapi mereka hanyalah pemegang saham minoriti.

"Jika saya mahu berikan kepada keluarga saya, saya pasti berikan yang terbesar kepada mereka. Seperti yang dapat dilihat, nama anak-anak saya ada dalam senarai itu tetapi mereka pemegang saham kecil," kata beliau sambil menjelaskan "Tetapi saya tidak bersetuju."

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, kroni-kroni Anwar menerima agak banyak juga projek penswastaan sepanjang Anwar menjadi menteri kewangan.

"Kita tidak membantah kerana ramai orang mendapat faedah daripada projek-projek ini. Seperti yang dapat dilihat, saham itu dibahagi secara meluas," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Kewangan terlibat dalam pemberian saham, Kementerian Kewangan lebih berkuasa dalam pemilihan.

"Kita ingat antara dua kementerian itu akan 'check' tetapi Menteri Kewangan lebih berkuasa kerana walaupun MITI yang buat keputusan, dia mesti rujuk kepada Menteri Kewangan dan keputusan dibuat olehnya.

"Projek pun begitu juga. Kita dapati setelah kita putuskan memberi projek kepada orang tertentu kerana tawarannya nampak baik, ada usaha dibuat untuk beri sebahagian projek itu kepada syarikat tertentu yang kita tahu ada kaitan dengan (bekas) Menteri Kewangan," kata Dr Mahathir.

Mengenai surat Anwar dari penjara hari ini yang mendakwa anak Perdana Menteri, Mirzan dibayar hampir RM2 bilion oleh Petronas untuk membeli perniagaan kapalnya Dr Mahathir berkata:

"Yang sebenarnya ia melibatkan sebuah syarikat yang dibelinya pada harga melebihi RM200 juta dan dibeli pula oleh Petronas sebanyak RM42 juta. Baru-baru ini, Petronas mengaut keuntungan RM200 juta hasil dari syarikat yang dibeli dari anak saya.

"Untuk pengetahuan, mereka belumpun membayar kepada anak saya. Dia (Anwar) gemar memberitahu orang bahawa dia menolong anak saya tetapi sebenarnya dia tidak menolong," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak boleh merungut jika syarikat anaknya itu dibeli pada harga yang nilainya rendah daripada sepatutnya kerana beliau tidak mempunyai suara dalam perkara tersebut.

--BERNAMA

AD MAI